

**Sentosa Heritage Trail**  
**Jejak Warisan Sentosa**  
Peta & Saranan Laluan

Jejak Warisan Sentosa adalah sebahagian daripada usaha berterusan Lembaga Warisan Negara (NHB) untuk mendokumentasikan dan mempersesembahkan sejarah dan kenangan sosial tempat-tempat di Singapura. Kami berharap jejak ini akan membawa kembali kenangan indah bagi mereka yang pernah bekerja, tinggal atau bermain di kawasan itu, dan menjadi sumber maklumat berguna untuk para pengunjung dan penduduk baru.

---

### **Fort Siloso**

Dari tahun 1878, Fort Siloso telah dibina untuk mempertahankan pintu masuk barat ke Pelabuhan Keppel dan selat di sekitar Singapura. Dibina di Mount Siloso, kubu ini mempunyai artileri dan persenjataan antipesawat, serta mesingan, lampu carian dan pos komand. Terdapat juga rangkaian luas berek, bilik tembak, lelopak peluru bawah tanah dan terowong yang dibina ke dalam bukit.

Kubu ini direka bentuk oleh Jurutera Kolonial Henry McCallum, yang juga menyelia pembinaannya. Memandangkan tiada jalan raya sedia ada yang menuju ke atas bukit, kuli Cina yang bekerja di kubu terpaksa mengangkut artileri berat dan peralatan lain melalui sistem angkat dengan tali yang sukar dan giat buruh.

Pemasangan artileri pertama di sini terdiri daripada bateri kerja tanah yang menempatkan tiga senapang muat muncung 7 inci dan dua meriam tembak pantas 6 inci. Walau bagaimanapun, dalam masa beberapa tahun, meriam ini tidak memadai untuk menangani ancaman kapal perang berperisai besi. Menjelang 1890-an, meriam muat belakang, yang mempunyai kadar menembak yang lebih pantas, telah disertakan dan dimuatkan dengan peluru penebuk perisai. Susunan senjata itu dinaik taraf beberapa kali sehingga tahun 1930-an.

Sejak lewat abad ke-19, bateri Fort Siloso telah ditempatkan untuk menangkis serangan melalui laut dari selatan. Semasa Perang Dunia Kedua, meriam itu telah dipusingkan apabila pencerobohan Jepun berlaku dari utara. Walaupun mengalami pengeboman berat, bateri Blakang Mati terus membedil tentera Jepun sebelum dimusnahkan pada malam kejatuhan Singapura agar ia tidak digunakan oleh tentera Jepun.


Meriam-meriam Fort Siloso dan kubu-kubu lain di Blakang Mati berhenti beroperasi selepas 1957, apabila Tentera British mengundurkan pertahanan artileri pantai yang tetap. Pada Februari 2022, Fort Siloso telah diwartakan sebagai Tugu Negara.



Askar-askar bermain badminton di Fort Siloso, tahun 1940-50an  
*Ihsan Sentosa Development Corporation*



Fort Siloso, yang berjaga di pintu masuk barat ke Pelabuhan Keppel, tidak bertarikh  
*Ihsan Sentosa Development Corporation*



Perincian daripada peta bertajuk *Singapore, Blakang Mati*, yang menggambarkan pelbagai penempatan pertahanan di Fort Siloso, tahun 1911

*Arkib Negara, Koleksi United Kingdom*

### The Fortification of Blakang Mati Pengubuan Blakang Mati


Selama berabad-abad, selat di sekitar Singapura menjadi laluan utama dalam laluan perdagangan global. Menguasai perairan ini, Pulau Blakang Mati (nama lama Sentosa) dianggap sebagai penting secara strategik oleh kuasa kolonial sejak abad ke-17.

Pada tahun 1600-an, apabila empayar penjajah bersaing untuk meraih kuasa strategik dan komersial, pedagang Flemish Jacques de Coutre mencadangkan sebuah kubu di Mount Siloso untuk mengukuhkan kawalan Portugis ke atas kawasan ini. De Coutre, dalam satu siri peringatan kepada Philip IV, Raja Sepanyol dan Portugal, menyatakan bahawa pulau ini mempunyai ciri-ciri pertahanan sebagai sebuah kubu semula jadi dan mengesyorkan pemasangan artileri. Belanda, pesaing Portugis pada masa itu, juga mempertimbangkan untuk membina kubu di Blakang Mati, tetapi tiada satu pun rancangan itu menjadi kenyataan.

Sejak itu, 250 tahun berlalu sebelum pulau ini akhirnya digunakan untuk tujuan ketenteraan sebagai pos pertahanan Empayar British, apabila pembinaan kubu dan bateri dimulakan pada tahun 1878. Di bawah pemerintahan British, sistem pertahanan pantai Singapura telah direka bentuk untuk melindungi perkapalan dan kemudahan batu arang bandar itu di Pelabuhan Keppel. Pintu masuk ke pelabuhan itu dipertahankan oleh bateri artileri di Blakang Mati.

Menjelang tahun 1887, selat di sekitar Singapura telah dipertahankan dengan baik melalui Fort Siloso di barat Blakang Mati, dan Fort Serapong dan Fort Blakang Mati East (kemudiannya dinamakan Fort Connaught) di timur. Terdapat juga pengubahsuaian infantri (tempat pertahanan) di Mount Imbiah dan Serapong, sebuah


bateri di Berhala Reping serta lombong bawah air di pintu masuk ke pelabuhan. Infrastruktur ketenteraan kemudian berkembang untuk merangkumi berek, hospital, pekarangan latihan dan sukan dalam dekad-dekad berikutnya.



Peta yang menunjukkan lokasi kubu-kubu di Blakang Mati, tahun 1907  
Arkib Negara, Koleksi United Kingdom



Anggota pasukan meriam menembak menggunakan meriam muat belakang Mark X 9.2 inci di Fort Serapong, tahun 1930-an  
*Ihsan Sentosa Development Corporation*



Pos pemerhatian bateri di Fort Connaught, tidak bertarikh  
*Ihsan Sentosa Development Corporation*

---


### Silos Pier

Jeti di Siloso Point ini dibina pada akhir abad ke-19 untuk memberi perkhidmatan kepada Fort Siloso yang berdekatan. Sebelum jalan raya dibina di kawasan ini, jeti ini adalah satu-satunya titik akses dan digunakan untuk mengangkut meriam, bahan binaan, peralatan dan bekalan lain dari tanah besar Singapura untuk pembinaan dan penyelenggaraan Fort Siloso.

Terletak di barat pulau, jeti itu menghadap ke selat di sekitar Singapura, yang secara tradisinya merupakan laluan utama dalam laluan perdagangan global. Jeti itu terletak berhampiran kawasan yang dikenali sebagai Sarang Rimau oleh Orang Laut, sebelum dinamakan Siloso Point semasa zaman penjajah. Apabila kapal-kapal layar menguasai laluan perdagangan maritim, kapal-kapal sering berlabuh di Sarang Rimau untuk mengupah Orang Laut sebagai pengemudi dan untuk membeli bekalan baru.

Selama bertahun-tahun, beberapa jeti telah dibina di Pulau Blakang Mati (nama lama Sentosa). Ini termasuk di Fort Serapong, jeti utama di pantai utara, dan jeti untuk stor letupan dinamit abad ke-19 di pantai tenggara.

Jeti utama di utara pulau ini, berhampiran bekas Kuching Creek, menjadi pelantar pendaratan bagi kapal yang mengangkut penumpang antara Blakang Mati dan Jardine Steps (kini HarbourFront) di tanah besar. Lama-kelamaan, Siloso Pier telah kurang kerap digunakan, dan menjadi tempat berkumpul dan memancing untuk askar dan keluarga mereka, serta penduduk kampung.




Perincian daripada peta hidrografi yang menunjukkan Siloso Pier (dilabelkan sebagai "Military Pier"), yang bersambung ke jalan menuju ke bahagian lain pulau, tahun 1907

*Koleksi Muzium Maritim Singapura, ihsan Arkib Negara Singapura*



Nelayan tempatan di Siloso Pier, tahun 1970-an  
*Ihsan Sentosa Development Corporation*



Jeti utama di pantai utara berhampiran bekas Kuching Creek, tahun 1956  
*Ihsan Stuart James*

---

### **Former Military Hospital**

Bangunan ini ditubuhkan sebagai hospital tentera untuk tentera British dan India yang berkhidmat di Pulau Blakang Mati (nama lama Sentosa). Disiapkan pada tahun 1890-an, bangunan tersebut telah diberikan status pemuliharaan oleh Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA) pada tahun 2004.

Semasa Pendudukan Jepun (1942-1945), bangunan ini digunakan sebagai berek oleh tentera Jepun. Antara mereka ialah askar dari 20 Field Army Air Supply Depot (juga dikenali sebagai Miki Butai atau 9320 Butai), sebuah unit logistik yang mengendalikan bom dan bahan api untuk unit angkatan udara Jepun.

Selepas Perang Dunia Kedua, hospital tersebut dijadikan kediaman untuk askar British yang sudah berkahwin, manakala banglo dan bangunan yang lebih kecil di sekelilingnya digunakan oleh pegawai yang berkeluarga. Terdapat juga surau, terletak di belakang hospital untuk kegunaan askar beragama Islam. Pada tahun 1967, Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) mengambil alih kemudahan ketenteraan pulau ini, dan bangunan tersebut menjadi ibu pejabat pertama Jurutera Tempur Singapura.

Berikutan pembangunan Sentosa sebagai destinasi riadah, bekas hospital tersebut menempatkan pameran patung lilin Surrender Chambers dari 1976, yang menggambarkan upacara penyerahan diri yang menamatkan Pendudukan Jepun. Pada tahun 1982, Sentosa Wax Museum telah ditubuhkan di sini dan kemudiannya menyertakan galeri Surrender Chambers dan Pioneers of Singapore. Dengan penambahan Festivals of Singapore pada tahun 1995, muzium tersebut dinamakan semula sebagai Images of Singapore, sebelum menjadi sebahagian daripada Madame Tussauds Singapore pada tahun 2016.



Perincian daripada peta hidrografi yang menunjukkan bekas hospital tentera, tahun 1907

*Koleksi Muzium Maritim Singapura, ihsan Arkib Negara Singapura*



Bangunan bekas hospital tentera yang menempatkan pameran Surrender Chambers, tahun 1970-80an

*Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara*



Pameran Surrender Chambers apabila ia ditempatkan di bangunan itu, tahun 1970-80an

*Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara*

---

### Former Officers' Mess and Quarters

Dari lewat abad ke-19 hingga tahun 1960-an, penginapan untuk pegawai tentera British disediakan di tapak ini, termasuk empat banglo kolonial yang kini digabungkan menjadi pembangunan hotel. Blok 48 dan 49 berfungsi sebagai mes dan kuarters untuk pegawai sehingga pangkat kapten, manakala blok 50 dan 51 seperti manor dikhaskan untuk pegawai yang lebih kanan.

Penginapan pegawai dikelilingi oleh gelanggang sukan tenis dan raket, rumah memasak dan kuarters pelayan. Bukan pegawai bergantung pada valet berkongsi, dobi (pekerja cuci pakaian) dan pelayan untuk menggilap peralatan mereka, mencuci pakaian seragam mereka dan melayan mereka waktu makan, manakala pegawai yang lebih kanan sering menggaji amah mereka sendiri dan pembantu rumah lain.

Pegawai juga menganjurkan keramaian semasa Krismas dan Tahun Baru dengan minum wain, makan malam, tarian dan persembahan kugiran. Menurut cerita dongeng, sebelum kejatuhan Singapura pada 15 Februari 1942, perak rejimen dan lain-lain barang perak Mes Pegawai telah tergesa-gesa ditanam di halaman depan bangunan itu. Kisah ini memberi inspirasi kepada pendudukdi pulau itu untuk kemudiannya mencari perak tersebut, tetapi tidak berjaya.

Diberikan status pemuliharaan oleh Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA) pada tahun 2000, bangunan tersebut telah dipulihkan dan disesuaikan untuk kegunaan komersial. Atas pemulihian sensitif unsur-unsur warisannya, termasuk beranda yang lapang dan fasad berhias, pembangunan tersebut menerima Anugerah Warisan Seni Bina URA pada tahun 2009.



Blok 48 dan 49 yang dipulihkan, yang kini menjadi sebahagian daripada pembangunan hotel, tahun 2009

*Ihsan Penguasa Pembangunan Semula Bandar*



Blok 48 dan 49 bekas Mes Pegawai, tahun 1956

*Ihsan Stuart James*



Blok 50 yang berfungsi sebagai kediaman bagi pegawai lebih kanan, tahun 1991

*Ihsan Penguasa Pembangunan Semula Bandar*

---

### **Former Recreation Ground and Barracks Bekas Padang Rekreasi dan Berek**

Selepas Pulau Blakang Mati (nama lama Sentosa) menjadi pos tentera dari tahun 1878, pihak British membina berek dan infrastruktur lain untuk tentera yang ditempatkan di sini. Disiapkan pada tahun 1940, bekas blok berek 9 dan 10 ini dibina di atas kawasan rekreasi tentera sebelum disesuaikan menjadi penginapan hotel pada


tahun 2000-an. Blok 11 bersebelahan telah dibina sebagai berek pada tahun 1937 dan menempatkan Muzium Batu Nadir dari 1985 hingga 1995, sebelum dijadikan pusat mesyuarat dan acara.

Di belakang blok-blok ini, kawasan tanah antara Artillery Avenue dan Palawan Beach Walk juga menempatkan tempat tinggal yang ditetapkan untuk askar warga British dan orang “Asli”, askar, sarjan dan pegawai yang sudah berumah tangga, serta rumah memasak dan kemudahan lain.


Dari tahun 1880-an hingga 1942, dua kumpulan utama tentera yang ditempatkan di berek di Blakang Mati adalah askar dari Britain dan benua kecil India. Kumpulan kedua itu, yang disebut sebagai Artilleri Asia atau Artilleri Orang Asli, termasuk Batalion Hong Kong dan Singapura (kemudian Rejimen), Artilleri Diraja. Askar batalion ini kebanyakannya terdiri daripada Punjabi Muslim dan orang Sikh.

Di pulau Blakang Mati, askar Tentera British diasingkan mengikut pangkat dan etnik. Padang rekreasi itu mungkin satu-satunya lokasi di mana askar boleh bertemu secara sama rata, dengan askar-askar bersaing sengit dalam bola sepak antara unit, kriket, hoki dan olahraga.

Pada tahun 1880-90an, askar tinggal di bangsal sementara dengan bumbung atap (rumput sawit), sebelum berek pertama dibina pada tahun 1904. Bilik kediaman terletak di tingkat pertama, manakala dewan makan, stor dan gudang senjata terletak di tingkat bawah. Terdapat juga bilik membaca dan rekreasi, serta kedai runcit, tukang jahit dan tukang kasut yang ditempatkan di dalam bangunan. Padang kawad untuk latihan, perbarisan dan perhimpunan lain terletak di antara blok-blok ini.



Peta yang menunjukkan berek yang dipulihara dan padang kawad untuk tentera yang ditempatkan di Blakang Mati, tahun 2021  
*Ihsan Lembaga Warisan Negara*



Perarakan tentera oleh Artileri Garison Diraja di dataran kawad, dengan blok 28 di latar belakang, tahun 1918

*Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara*



Putera Philip, Duke of Edinburgh, melalui bekas blok berek 9 dan 10 semasa lawatannya ke Blakang Mati, tahun 1959

*Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, ihsan Arkib Negara Singapura*



Blok berek terpulihara 41 dan 42, yang dibina untuk menempatkan askar yang sudah berumah tangga, tahun 1974

*Ihsan Penguasa Pembangunan Semula Bandar*

---

## **People of the Straits**

### **Orang Selat**

Pulau Blakang Mati, nama lama Sentosa, adalah antara nama tempat tertua di Singapura. Diterjemah secara literal sebagai “Kematian dari Belakang Pulau” dalam bahasa Melayu, nama itu muncul dalam peta abad ke-17 oleh kartografer Portugis-Melaka Manuel Godinho de Erédia. Etimologi Blakang Mati mungkin diambil daripada tradisi lisan kawasan itu, termasuk kisah-kisah yang diceritakan oleh penduduk tempatan tentang lanun dan pertempuran di pulau berdekatan Pulau Brani dan Pulau Tekukor.

Penduduk Blakang Mati yang terawal direkodkan ialah Orang Laut, satu masyarakat yang tinggal dalam perahu yang terdiri daripada suku-suku berbeza. Orang Selat adalah satu suku yang dianggap telah tinggal di perairan sekitar pulau-pulau kawasan ini dan terkenal sebagai pengemudi laut yang mahir di selat, menurut catatan Eropah abad ke-17.

Pelbagai kumpulan turut menetap di Blakang Mati. Dalam tempoh masa yang berbeza, peneroka termasuk Orang Laut, Melayu, Cina, India dan masyarakat dari kepulauan Indonesia, termasuk Wadju Bugis dan Jawa. Dari awal abad ke-20, kebanyakannya orang Cina di pulau itu adalah dari puak Yeo, yang berhijrah dari Kampung Meishan di Fujian, China, dan mengendalikan kebanyakannya bot penumpang yang melintasi pulau itu. Kampung-kampung awal terdiri daripada kampung-kampung di Telok Bendera, Mount Serapong dan di hujung tenggara, manakala kediaman orang biasa pada abad ke-20 kebanyakannya tertumpu di pantai utara.

Selepas Blakang Mati menjadi pos tentera pada tahun 1870-an, Angkatan Bersenjata British yang berberek di pulau ini termasuk askar British, India dan Australia, serta Gurkha Nepal dan rekrut dari Semenanjung Tanah Melayu. Tinggal bersama mereka adalah kakitangan awam, termasuk masyarakat dobi (“tukang cuci” dalam bahasa Hindi) dari benua kecil India.



Sebuah kampung di pantai utara Blakang Mati, tahun 1935

*Ihsan Sentosa Development Corporation*



Kawasan cucian berhampiran Fort Connaught yang digunakan oleh masyarakat dobi untuk membasuh pakaian, tahun 1957  
*Ihsan Sentosa Development Corporation*



Depan kedai R. Koh, sebuah studio foto dan kedai runcit di Blakang Mati yang ditubuhkan oleh orang awam yang tinggal bersama tentera, tahun 1956

## **Sentosa Monorail**

Beroperasi dari tahun 1982 hingga tahun 2005, monorel Sentosa adalah sistem pengangkutan dan juga tarikan. Di sepanjang laluan 30 minit ia mengelilingi pulau, monorel itu memberikan pemandangan tinggi persekitaran semula jadi Sentosa. Bahagian laluan monorel yang melengkung di sekitar hujung barat Sentosa dikatakan sebagai salah satu pemandangan yang paling indah, dengan pemandangan pulau-pulau berdekatan dan Mount Imbiah yang berhutan.

Pertama kali dicadangkan pada pertengahan tahun 1970-an untuk mengurangkan kesan pencemaran udara dan bising, sistem monorel adalah kunci untuk memelihara suasana peranginan Sentosa. Menggunakan sistem rel elektrik, ia menggantikan bas dua tingkat sebagai mod pengangkutan utama di Sentosa. Ramai daripada pemandu tren sebelum ini bekerja sebagai pemandu bas dan pemandu pelancongan di Sentosa, sebelum dilatih semula untuk mengendalikan monorel.

Laluan bergelung sepanjang enam kilometer itu mengharungi kawasan yang tidak rata di pulau itu. Bermula dan berakhir di stesen Ferry Terminal, monorel itu membawa pengunjung ke stesen-stesen di bekas hotel Apollo Sentosa, Swimming Lagoon (kini Palawan Beach), Fort Siloso dan stesen kereta kabel di Carlton Hill (kini Sentosa Station). Setiap tren mempunyai 15 gerabak dan kapasiti muatan sekitar 1,000 penumpang sejam.

Menjelang tahun 2000-an, ramai pelawat ke Sentosa menjangkakan tahap perkhidmatan pengangkutan yang berbeza, termasuk perjalanan berhawa dingin dan perjalanan yang lebih singkat. Pada tahun 2007, monorel telah digantikan dengan Sentosa Express, perkhidmatan rel ringan dengan kapasiti penumpang yang lebih tinggi. Beberapa stesen monorel telah digunakan semula sebagai tarikan, termasuk Sentosa Nature Discovery di Imbiah Lookout dan muzium tentera di Fort Siloso. Sebahagian daripada landasan monorel juga telah disesuaikan menjadi laluan bertingkat yang menuju ke Sentosa Nature Discovery.



Lukisan peta Sentosa yang menunjukkan monorel dan tarikan pulau ini pada masa tersebut, tahun 1980-an

*Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara*



Salah satu siri pertama tren monorel yang beroperasi di Sentosa, awal tahun 1980

*Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara*



Sebuah tren monorel menuju ke barat Sentosa, pertengahan tahun 1980-an  
*Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara*

---

### **Singapore Cable Car** **Kereta Kabel Singapura**

Kereta Kabel Singapura ialah sistem lif gondola yang menghubungkan tanah besar Singapura ke Sentosa. Dirasmikan pada 15 Februari 1974 oleh mantan Timbalan Perdana Menteri Goh Keng Swee, ia merupakan salah satu projek pembangunan terawal Sentosa yang disiapkan.

Kereta kabel itu direka bentuk sebagai tarikan dan pengangkutan ulang-alik ke Sentosa. Pembinaannya diselia oleh Pengguna Pembangunan Semula Bandar (URA) dan Pengguna Pelabuhan Singapura (PSA), dengan sistem kereta kabel yang dibekalkan oleh syarikat Switzerland Von Roll.

Sepuluh bulan pertama operasinya menyaksikan kereta kabel itu menarik kira-kira 750,000 penumpang, yang menikmati pemandangan panorama Telok Blangah, Pelabuhan Keppel serta Sentosa dan Kepulauan Selatan. Lelaran pertama sistem itu menyaksikan penumpang menaiki kereta kabel di Mount Faber atau di Jardine Steps (kini HarbourFront) di tanah besar, sebelum melakukan perjalanan udara ke Carlton Hill di Sentosa.


Pada 29 Januari 1983, derik kapal penggerudian Eniwetok telah terjerat pada talian kabel. Impak itu menyebabkan dua kereta kabel terhempas ke laut, dengan satu-satunya penumpang yang terselamat ialah seorang bayi yang diselamatkan daripada lemas oleh pembantu marin PSA Abdul Latip Jantan. Operasi menyelamat selama sembilan jam telah dilakukan dan penumpang yang terkandas di laluan kabel telah diselamatkan oleh dua helikopter tentera. Selepas beberapa bulan pembaikan dan

ujian keselamatan yang menyeluruh, sistem kereta kabel kembali beroperasi pada Ogos 1983.

Pada tahun 2015, peluasan laluan kereta kabel menyaksikan stesen-stesen baru ditambah di bekas Merlion Plaza, Mount Imbiah dan Fort Siloso, memberikan pemandangan hutan, pantai dan tarikan di Sentosa dari udara.



Kereta kabel melintasi pelabuhan, tahun 1977  
*Ihsan Sentosa Development Corporation*



Kereta kabel berlepas dari bekas stesen Carlton Hill (kini Sentosa Station),  
pertengahan tahun 1970-an  
*Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara*



*Laluan kereta kabel diperluas pada tahun 2015 sehingga merentasi pantai selatan Sentosa, tahun 2021*  
*Ihsan Lembaga Warisan Negara*

---

### **Memories of the Musical Fountain, Fountain Gardens and Ferry Terminal Kenang-kenangan Musical Fountain, Fountain Gardens dan Ferry Terminal**

Dibina pada tahun 1980-an, Musical Fountain, Fountain Gardens dan Ferry Terminal yang sebelum ini terletak di kawasan ini adalah antara gelombang kedua tarikan dan pembangunan Sentosa. Tempoh ini menyaksikan Sentosa menganjurkan semakin banyak konsert, pertunjukan bakat dan acara kebudayaan.

Ketiga-tiga pembangunan itu dibina di atas gabungan 17 hektar tanah tebus guna di Imbiah Bay, Kuching Creek dan pinggir pantai Sarong Island. Dibuka pada tahun 1982, Musical Fountain telah direka bentuk untuk menarik keluarga-keluarga dan kumpulan-kumpulan melawat pulau itu pada waktu petang, dan popularitinya mengilhamkan lagi tarikan-tarikan hiburan malam di Sentosa.

Dibangunkan dalam beberapa fasa pada tahun 1980-an dan 1990-an, Musical Fountain termasuk kolam berbentuk angsa, kolam teres dan sistem elektronik yang menyelaraskan jet air, muzik dan pencahayaan. Dari tahun 1984, air pancut itu menjadi tempat popular untuk konsert, dengan persembahan oleh bintang rock Melayu termasuk Ramli Sarip, Search dan Lovehunters yang kerap menarik perhatian lebih 5,000 orang. Pada Jun 1993, air pancut itu juga menjadi tuan rumah bagi upacara menyalaikan api Sukan SEA.


Pada tahun 1987, Ferry Terminal yang baru dibuka untuk menggantikan pelantar pendaratan yang lebih tua, dan menempatkan sebuah stesen monorel, kedai-kedai makan dan kedai-kedai runcit. Dibina dengan kos S\$18.5 juta, terminal itu dirancang sebagai permulaan tulang belakang tengah pulau yang menghubungkan ke pantai di selatan.

Membentuk laluan dengan pemandangan yang indah yang menghubungkan Ferry Terminal dan Musical Fountain, Fountain Gardens merupakan satu lagi tarikan yang


dibina pada tahun 1980-an. Direka bentuk dalam gaya taman Eropah abad ke-18, ia merangkumi amfiteater yang dimodelkan mengikut Villa Gamberaia abad ke-17 di Tuscany.



Pemandangan malam Musical Fountain, awal tahun 1980-an  
*Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara*



Poskad yang memaparkan pelbagai tarikan di Sentosa, termasuk Fountain Gardens di tengah dan Ferry Terminal di latar belakang, lewat tahun 1980-an  
*Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara*



Ferry Terminal, lewat tahun 1980-an  
*Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara*